


Iran perkenal teknologi baharu terapi gen rawat kanser darah

15 November 2022 08:47pm Masa membaca: 1 minit



Cancer cell or cancerous tumor amidst flowing red blood cells in a blood vessel, artery or vein 3D rendering illustration.

TEHRAN - Saintis perubatan Iran memperkenalkan teknologi baharu yang berasaskan terapi gen untuk merawat pesakit kanser darah.

Seorang pegawai dari Pejabat Presiden Iran bagi Sains dan Teknologi pada Selasa berkata, penyelidik mengambil masa kira-kira tujuh tahun untuk membangunkan kaedah terapi gen baharu bagi merawat kanser darah.

Agensi berita republik Islam (IRNA) melaporkan Amir Ali Hamidieh berkata, kadar kejayaan rawatan itu hampir 70 peratus.

Sebuah syarikat permulaan Iran telah membangunkan kaedah rawatan yang kekal dimonopoli dua syarikat multinasional, kata Hamidieh.

Beliau berkata, kaedah itu telah diuji buat kali pertama ke atas pesakit kanser darah di Iran selepas diluluskan Universiti Sains Perubatan Tehran. - Bernama